

NAFAS BAHARU AKTIVITI LARIAN

District Race, perlumbaan eksplorasi bandar julung kali diperkenalkan di Malaysia

Yusliza Yakimir Abd Talib
yusliza@hmetro.com.my

Kepesatan teknologi turut membawa perubahan besar terhadap tabiat anak sekali gus memberi cabaran yang hebat untuk ibu bapa dalam membentuk gaya hidup sihat buat zuriat mereka supaya ia dapat diteruskan hingga dewasa.

Gajet elektronik, alat permainan video dan peranti mudah alih dilihat seolah-olah menggantikan aktiviti menyeronokkan kanak-kanak dan remaja seperti bermain di taman permainan, berekreasi bersama keluarga pada hujung minggu serta pelbagai aktiviti berfaedah lain.

Bagaimana pula jika ada kaedah berlandaskan teknologi terkini mampu memberi manfaat kepada

seisi keluarga bagi menggalakkan orang ramai menjalani gaya hidup sihat dan aktif dengan menawarkan pengalaman yang menyeronokkan?

Semua itu dapat dicapai menerusi District Race, perlumbaan eksplorasi bandar anjuran AIA Vitality yang buat julung kalinya diperkenalkan di Malaysia.

Pertama kali dilancarkan di Singapura pada 2018, District adalah platform perintis menggunakan teknologi berteraskan permainan untuk memberi pengalaman menggunakan kepada pengguna dalam usaha menyuntik nafas baharu terhadap aktiviti larian dan eksplorasi bandar.

Dengan menggabungkan kecanggihan teknologi berasaskan pengesanan lokasi dan augmentasi realiti (AR), aplikasi District

Race membawa pengguna menjelajah bandar dalam perlumbaan yang menakjubkan.

Ketua Pegawai Eksekutif District Technologies, Ben Pember berkata, dengan menawarkan pengalaman baharu dalam aktiviti eksplorasi bandar kepada rakyat Malaysia, acara ini diharap dapat menggalakkan gaya hidup aktif dan pada masa sama menyemai rasa penghargaan yang lebih mendalam terhadap bandar mereka sendiri.

Katanya, District Race direka bersesuaian dengan setiap individu dan ia permulaan yang baik dalam menyuntik motivasi orang ramai untuk meneroka semula keindahan serta keunikan bandar mereka.

"Kami memperkenalkan program ini di Malaysia selepas kejayaan dalam penganjuran District Race di Hong Kong dan Singapura," katanya.

Ketua Pegawai Pemasaran AIA Malaysia, Heng Zee Wang berpendapat, mengekalkan rejim senaman yang tetap dan mengamalkan gaya hidup aktif sememangnya satu cabaran buat generasi masa kini.

Katanya, komitmen terhadap kerjaya dan keluarga, di samping tempoh perjalanan yang lama sering menjadi halangan untuk kita mengekalkan gaya hidup sihat.

"Oleh itu, AIA berbesar hati membawa District



GENERASI muda berpeluang meneroka bandar mereka dengan aplikasi District Race.

Race ke Malaysia buat pertama kali. Kami berharap acara ini dapat menjadi sebuah platform yang membolehkan rakyat Malaysia meneroka bandar mereka dengan cara baharu bersama keluarga serta rakan.

"Kami sentiasa mencari idea baharu dan inovatif untuk memperkasakan rakyat di negara ini menjalani kehidupan yang lebih sihat, berpanjangan dan bermakna. Kami percaya District mampu menjanjikan pengalaman baru yang hebat untuk semua," katanya.

Peserta boleh menggunakan aplikasi District Race sebagai panduan dalam menjelajah bandar dan mengumpul sebanyak mungkin mata dengan melepasi beberapa stesen hentian maya serta cabaran.

Tiada laluan dan jarak tertentu yang ditetapkan,

oleh itu peserta bebas mengatur strategi dan menjelajah bandar dengan cara mereka sendiri.

Baik generasi muda yang mencari peluang untuk meneroka semula bandar mereka atau barisan pelari elit yang ingin menakluk cabaran baharu mahupun golongan berkeluarga yang mencari pengalaman sihat, menyeronokkan dan pada masa sama mendidik, District Race direka untuk memberi pengalaman yang tidak akan dilupakan buat semua.

Acara perlumbaan utama akan diadakan pada 3 November 2019 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur dengan tiket berharga antara RM60 hingga RM130, termasuk harga tiket bagi fasa awal dan biasa.

Sebelum acara kemuncak di Kuala Lumpur, perlumbaan juga akan diadakan secara berperingkat di Kuala

Lumpur, Pulau Pinang, Melaka dan Johor Bahru.

Terdapat beberapa stesen hentian maya yang dikenali sebagai 'grid' memberi peluang kepada semua orang merasai pengalaman menyertai District Race secara percuma sebelum acara utama berlangsung.

Grid akan mula dipaparkan bermula 21 Jun hingga 20 Oktober dan peserta berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik apabila mereka melakukan penerokaan bandar.

Bukan itu saja, satu siri acara komuniti yang dikenali sebagai 'Explore Events' juga akan diadakan di empat bandar utama berkenaan. Acara ini memperlihatkan setiap tema tersendiri dan menawarkan cabaran berbeza yang memfokuskan pada mercu tanda, budaya dan warisan setiap bandar.



PEMBER (kanan) dan Heng menunjukkan aplikasi terkini menggabungkan pengalaman berbeza serta menyeronokkan.